



KEMENTERIAN
ALAM SEKITAR DAN AIR
Ministry of Environment and Water



LAPORAN TAHUNAN
2020
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Jabatan Alam Sekitar

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



doewpkl



doe@KL

ALAM SEKITAR TANGGUNGJAWAB BERSAMA

#alamsekitartanggungjawabbersama #KLbandarayalestari #KLloveenvironment

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Terlebih dahulu saya ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) berjaya menerbitkan Laporan Tahunan bagi tahun 2020. Laporan Tahunan ini memberi gambaran keseluruhan gerak kerja dan pencapaian JAS WPKL yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2020 berdasarkan mandat yang diberikan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mencapai pembangunan negara yang lestari dan seiring dengan keharmonian kualiti alam sekitar.

Tahun 2020 telah dilalui dengan pelbagai peristiwa dan cabaran dalam pengurusan alam sekitar di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya termasuk dalam mendepani cabaran pandemik Covid-19. Namun demikian, JAS WPKL terus menjalankan pemeriksaan ke atas punca-punca pencemaran yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan dilaksanakan secara pemeriksaan siasatan tapak 'Command and Control' (CAC), 'Guided Self Regulation' (GSR) dan juga pemeriksaan secara 'Desktop Enforcement' (DE).

JAS WPKL turut mempertingkatkan pelaksanaan program/aktiviti kesedaran dan sebaran maklumat alam sekitar melalui pelbagai medium media untuk pelbagai peringkat masyarakat sebagai usaha berterusan ke arah kelestarian alam.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak terutamanya kepada Kementerian Wilayah, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Putrajaya, agensi-agensi kerajaan di peringkat negeri dan persekutuan, pihak industri, swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pertubuhan sukarela dan individu-individu yang telah memberikan kerjasama dan sokongan kepada JAS WPKL dalam memastikan kualiti alam sekitar berada pada tahap baik dan sekali gus meningkatkan kualiti hidup rakyat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Saya berharap agar komitmen dan kerjasama ini dapat diteruskan dan

ditingkatkan pada masa akan datang untuk mengekalkan persekitaran yang bersih dan sihat bagi generasi masa kini dan akan datang.

'Pemuliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama'

Ts. AZLAN BIN HJ. AHMAD

Pengarah

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

**JAWATAN KUASA PENERBITAN
LAPORAN TAHUNAN
JABATAN ALAM SEKITAR
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR 2020**

Penaung

Ts. Azlan Bin Hj. Ahmad

Penasihat

Encik Zulfadzli Bin Zakaria

Ketua Editor

Puan Nor Liza Binti Yen

Editor

Puan Hasnita Binti Mansor

Puan Nor Iwani Binti Basri

Puan Norlafifah Binti Ramli

Puan Wan Nur Fadzlina Binti Wan Md Najib

Puan Shafizah Binti Jabar Basha

Puan Rosla Binti Zamsuri

Puan Siti Norhidayah Binti Abdullah

Encik Luqman Bin Baharudin

Encik Kalana Bin Hj. Drahman

Puan Nur Hafiza Binti Mohd Noh

Encik Mohd Shafiq Aizad Bin Hj Mohd Saad

Urusetia

Puan Nor Haslinda Binti Hasim

Encik Mohd Syahirrullah Bin Mohd Azhar

BAB 1

PENTADBIRAN & KEWANGAN


Struktur Organisasi

Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JAS WPKL) diketuai oleh seorang Pengarah Gred C54 dibantu oleh Timbalan Pengarah Gred C52 dan Ketua Penolong Pengarah C48 yang bertanggungjawab terus kepada Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia. JAS WPKL telah ditubuhkan pada 1 Februari 1995. Pada tahun 2020, JAS WPKL telah menerima Senarai Perjawatan Bekalan 30 dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim di mana bilangan perjawatan semasa untuk JAS WPKL adalah 76 perjawatan. Struktur bahagian-bahagian terdiri dari Bahagian Pembangunan, Bahagian Operasi, Bahagian Pentadbiran & Kewangan. Carta Organisasi adalah seperti di **Rajah 1.0**.

Struktur Perjawatan

Sehingga 31 Disember 2020, pengisian perjawatan JAS WPKL adalah sebanyak 65 daripada 76 perjawatan mengikut Surat Pemberitahuan Penempatan berdasarkan B.30 yang terdiri daripada 11 orang dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 54 orang dari Anggota Kumpulan Pelaksana. Senarai Perjawatan adalah seperti di **Jadual 1.0**

CARTA ORGANISASI JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Rajah 1.0 : Carta Organisasi Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jadual 1.0 Struktur Perjawatan JAS WPKL bagi tahun 2020

Bil	Jawatan	Jumlah	Pengisian	Kosong
1.	Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C54	1	1	0
2.	Timbalan Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C52	1	1	0
3.	Ketua Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C48	1	1	0
4.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C44	3	3	0
5.	Penolong Pengarah Pegawai Kawalan Alam Sekitar Gred C41/C44	6	5	1
6.	Penolong Jurutera Gred JA29 Kader JKR	3	1	2
7.	Penolong Jurutera Gred JA29 KUP JAS/Kader JKR	2	2	0
8.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C38	2	2	0
9.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C32	11	10	1
10.	Penolong Pegawai Kawalan Alam Sekitar C29	15	12	3
11.	Penolong Jurutera JA29	13	13	0
12.	Juruteknik J22	1	1	0
13.	Penolong Pegawai Tadbir Gred N32	1	1	0
14.	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred FA29	1	1	0
15.	Penolong Akauntan Gred W29	2	2	0
16.	Setiausaha Pejabat Gred N29	1	0	1
17.	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N19/N22	4	2	2
18.	Pembantu Operasi Gred N11	1	1	0
19.	Pemandu Gred H11	7	7	0
	JUMLAH	76	66	10

PENGURUSAN KEWANGAN

Peruntukan Kewangan

Pada tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diperuntukkan sebanyak **RM3,411,989.44** daripada Ibu Pejabat untuk Belanja Mengurus dan sebanyak **RM33,377.60** bagi Projek Khas. Manakala peruntukan bagi Pembangunan yang diterima adalah sebanyak **RM3,000.00** bagi Program GIS.

Terimaan Hasil

Kutipan hasil yang dibuat bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM211,032.44 dengan peningkatan sebanyak 20% berbanding tahun sebelumnya dimana terimaan hasil adalah sebanyak RM168,491.86. Pecahan terimaan hasil 2020 adalah seperti **Jadual 1.1**.

Jadual 1.1 Pungutan hasil mengikut aktiviti bagi tahun 2020

Kod	Aktiviti	Jumlah Kutipan (RM)
H0176199	Bayaran Kompaun	203,400.00
H0273301	Jualan Harta Benda Kerajaan	6,950.20
B0221104	Bayaran TNT	120.00
H0273199	Jualan Bahan Cetak Yang Lain	45.00
B0112199	Elaun Tetap yang lain	517.24
	JUMLAH	211,032.44

Latihan Dan Kursus

Kementerian Alam Sekitar Dan Air (KASA) telah menetapkan setiap pegawai perlu menghadiri 7 hari berkursus atau latihan bagi tahun 2020. Seramai 68 orang pegawai dan kakitangan Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah melaksanakan keperluan 7 hari berkursus sepanjang tahun 2020.

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

JAS WPKL telah menganugerahkan perkhidmatan cemerlang kepada 5 kakitangan yang memberi komitmen yang tinggi sepanjang tahun 2020. Pecahan mengikut unit adalah seperti **Jadual 1.2**

Jadual 1.2 : Bilangan Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2020

Bil	Bahagian / Unit	Jumlah Pecahan
1.	Bahagian Operasi	2
2.	Bahagian Pembangunan	2
3.	Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	1
	Jumlah	5

PENGURUSAN ASET JABATAN

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPAK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih (JKPAK) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertanggungjawab dalam melaksanakan pengurusan aset alih, aset hidup, aset tak ketara dan stor kerajaan. JKPAK JAS WPKL bermesyuarat secara sukuan 4 kali setahun untuk melaporkan status pengurusan aset Jabatan ke Ibu Pejabat. Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPA) digunapakai di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi tujuan pengurusan dan kawalan status aset alih dan stok Jabatan. Pengurusan aset dan stor di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibahagikan kepada 3 kategori stor utama iaitu stor Teknikal, stor Pentadbiran dan stor ICT.



Rajah 1.1 : Sistem Pemantauan Pengurusan Aset yang digunapakai

Jadual 1.3 : Nilai Keseluruhan Aset dan Stok JAS WPKL 2020

ASET ALIH JAS WPKL 2020		
Perkara	Bilangan	(RM)
Harta Modal	240	2,434,213.23
Aset Bernilai Rendah	786	176,518.40
STOK JAS WPKL 2020		
Baki Stok Semasa	(RM)	Kadar Pusingan Stok Tahunan
31 Disember 2020	22,584.624	3.260

Jadual 1.4 : Jadual Mesyuarat JKPAK JAS WPKL yang telah dilaksanakan 2020.

Sukuan	Tarikh Mesyuarat
Sukuan 1 (Januari – Mac)	14 Julai 2020
Sukuan 2 (April – Jun)	14 Julai 2020
Sukuan 3 (Julai – September)	12 Oktober 2020
Sukuan 4 (Oktober – Disember)	8 Januari 2021



JABATAN ALAM SEKITAR



Sijil Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada

JABATAN ALAM SEKITAR WP.

KUALA LUMPUR

di atas pencapaian cemerlang

PEMERIKSAAN ASET ALIH MELEBIHI 95%

TAHUN 2020

Tahniah di atas komitmen yang ditunjukkan



.....
NORLIN BINTI JAAFAR
KETUA PENGARAH ALAM SEKITAR
MALAYSIA

Rajah 1.2 : Sijil Penghargaan di atas pencapaian cemerlang pemeriksaan aset melebihi 95% tahun 2020

Jawatankuasa Pengurusan Aset Tak Alih (JKPAK Fasiliti) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Jawatankuasa Pengurusan Aset Tak Alih (JKPAK Fasiliti) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bertanggungjawab dalam melaksanakan pengurusan aset tak alih (fasiliti) yang dibawah seliaan JAS WPKL. **Rajah 1.3** menunjukkan Carta Organisasi JKPAK Fasiliti JAS WPKL 2020.



Rajah 1.3 : Carta Organisasi JKPAK Fasiliti

BAB 2


BAHAGIAN OPERASI

PUNCA-PUNCA TETAP

Penguatkuasaan Terhadap Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT)

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah merekodkan sebanyak 1845 inventori punca-punca pencemaran dari Premis Yang Bukan Ditetapkan (PYBDT) yang dikenalpasti di bawah bidang kuasa JAS WPKL. Senarai PYBDT tersebut telah dikategorikan mengikut kod *Standard Industrial Classification* (SIC) seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2.0**.

Pada tahun 2020, Bilangan inventori premis yang tertinggi adalah premis yang terletak di bawah kod SIC iaitu kategori Perubatan sebanyak 640 dan diikuti dengan Bengkel/*Workshop* iaitu sebanyak 553.




Rajah 2.0: Bilangan PYBDT Berdasarkan Kod SIC Tahun 2020

JAS WPKL juga mempunyai 1 senarai inventori yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah), 2009 iaitu Tapak Pelupusan Sampah dan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Taman Beringin, Kuala Lumpur.

Penguatkuasaan yang dijalankan ke atas PYBDT oleh JAS WPKL merangkumi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah berdasarkan kepada pematuhan terhadap 4 peraturan utama yang terkandung di dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS), 1974. Peraturan-peraturan tersebut adalah seperti berikut:

1. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 atau singkatannya PPKAS EP 2009;
2. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 atau singkatannya PPKAS BT 2005;
3. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 atau singkatannya PPKAS UB 2014; dan
4. Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal dan Kambus Tanah) 2009 atau singkatannya PPKAS KPDSPPSKT 2009.

Seperti makluman semua, dunia telah dilanda wabak pandemik Covid-19. Pandemik ni telah menyebabkan aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan mengikut norma baru sesuai dengan tahap keselamatan pegawai-pegawai dan orang awam. Pemeriksaan oleh JAS WPKL dijalankan mengikut Prosedur Tetap (SOP) Majlis Keselamatan Negara / Kementerian Keselamatan Negara. JAS WPKL terus memantau pematuhan semua premis yang tertakluk bagi memastikan pencemaran tidak berlaku yang berpunca daripada premis-premis ini.




Rajah 2.1 : Pematuhan PYBDT Berdasarkan Empat (4) Peraturan Utama Di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Pada tahun 2020, sebanyak 865 lawatan pemeriksaan telah dijalankan di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Hasil daripada lawatan pemeriksaan tersebut mendapati sebanyak 157 premis patuh kepada PPKAS EP 2009, 540 premis patuh kepada PPKAS BT 2005. 128 premis patuh kepada PPKAS UB 2014 dan 13 premis yang tertakluk di bawah PPKAS KPDSPDKT 2009 patuh sepanjang tahun 2020.

Hasil pemeriksaan juga mendapati sebanyak 18 premis gagal mematuhi PPKAS EP 2009, 58 premis gagal patuh kepada PPKAS BT 2005 dan 10 premis gagal patuh PPKAS UB 2014. Pematuhan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh dirujuk pada **Rajah 2.1**

Bagi kesemua ketidakpatuhan ini, JAS WPKL telah mengambil tindakan seperti Notis Arahan, tawaran kompaun dan tindakan mahkamah.




Rajah 2.2 : Pematuhan PYBDT berdasarkan 4 Peraturan Utama Di Bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 Di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Pada tahun 2020, sebanyak 41 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Hasil daripada lawatan penguatkuasaan yang dijalankan mendapati 7 premis patuh kepada PPKAS EP 2009, 36 premis patuh kepada PPKAS BT 2005 dan 20 premis patuh kepada PPKAS UB 2014.


Sebanyak 1 premis gagal patuh kepada PPKAS EP 2009 dan 2 premis gagal patuh kepada PPKAS BT 2005 dan kegagalan pematuhan tersebut telah dikenakan tindakan penguatkuasaan iaitu Notis Arahan dan Kompaun. Pematuhan di Wilayah Persekutuan Putrajaya boleh dirujuk pada **Rajah 2.2**

Pada tahun 2020, hasil pemeriksaan premis yang dijalankan oleh JAS WPKL mendapati peratusan pematuhan keseluruhan premis di WP Kuala Lumpur adalah 86.94% iaitu pematuhan industri adalah 86.06% dan bukan industri adalah 87.55%. Peratusan Pematuhan di WP Kuala Lumpur boleh dirujuk pada **Rajah 2.3**.

Pada tahun 2020, peratusan pematuhan keseluruhan premis di WP Putrajaya adalah 91.90%. Peratusan pematuhan di WP Putrajaya boleh dirujuk pada **Rajah 2.4**.



Rajah 2.3: Peratus Pematuhan Industri dan Bukan Industri Tahun 2020 di WP Kuala Lumpur.



Rajah 2.4: Peratus Pematuhan Industri dan Bukan Industri Tahun 2020 di WP Putrajaya.

Pada tahun 2020, beberapa siri Operasi Bersepadu bersama JAS dari negeri-negeri lain telah dijalankan bagi mencegah pencemaran alam sekitar di kalangan premis-premis ini. Di antaranya adalah Ops Air Raya 2020, Ops Retrovirus 2020, Ops Air Selangor, Ops Lembangan Sungai Selangor dan Ops Gempur JAS WPKL.

Hasil daripada penguatkuasaan ke atas PYBDT sepanjang 2020, tindakan-tindakan penguatkuasaan telah dikenakan terhadap semua premis yang tidak mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) serta peraturan-peraturan di bawahnya.

JAS WPKL telah mengeluarkan 70 Notis Arahan, 154 Kompaun dan 11 Kertas Siasatan telah dibuka untuk tindakan mahkamah.

Tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh JAS WPKL bagi ketidakpatuhan sepanjang tahun 2020 boleh dirujuk pada **Rajah 2.5**.




Rajah 2.5: Bilangan Tindakan Penguatkuasaan Ketidakpatuhan AKAS 1974 bagi PYBDT.


PENGUATKUASAAN TERHADAP LOJI PENGOLAHAN KUMBAHAN

Pada sepanjang tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah menjalankan program penguatkuasaan terhadap pematuhan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 bagi premis-premis loji pengolahan kumbahan di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pelaksanaan penguatkuasaan terhadap loji pengolahan kumbahan adalah merupakan kesinambungan kepada program penguatkuasaan Premis Yang Bukan Di Tetapkan (PYBDT) yang dilaksanakan secara berterusan pada setiap tahun terhadap semua premis pengolahan kumbahan yang tertakluk di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974.

Sebanyak 179 pemeriksaan telah dijalankan terhadap premis-premis loji pengolahan kumbahan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dan loji pengolahan kumbahan milikan persendirian di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya boleh dirujuk pada **Rajah 2.6**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 Notis Arahan telah dikeluarkan, 14 Kompaun telah ditawarkan dan 3 Kertas Siasatan telah dibuka susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi loji pengolahan kumbahan semasa siasatan pemeriksaan untuk tindakan penambahbaikan pihak pemilik loji pengolahan berkenaan serta tindakan Mahkamah boleh dirujuk pada **Rajah 2.7**. Pada tahun 2020, peratusan pematuhan penguatkuasaan loji pengolahan kumbahan terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009, Akta Kualiti Alam Sekeliling, 1974 adalah sebanyak 93.3%.



Rajah 2.6 : Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2020 Oleh Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.




Rajah 2.7 : Tindakan Susulan Penguatkuasaan Loji Pengolahan Kumbahan Tahun 2020 Oleh Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

PENGUATKUASAAN KE ATAS PUNCA-PUNCA BUANGAN TERJADUAL PREMIS YANG DITETAPKAN (PYDT) DAN PREMIS YANG BUKAN DITETAPKAN (PYBDT)


Di Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL), pengurusan bagi buangan terjadual telah menggunakan sistem atas talian yang dikenali sebagai *Electronic Schedule Waste Information System (eSWIS)* termasuklah semua Premis Yang DiTetapkan Buangan Terjadual (PYDT BT). Penggunaan sistem ini memudahkan lagi kerja-kerja pelaporan terhadap pengendalian dan pengurusan buangan terjadual termasuk pelaporan notifikasi, inventori, dan nota konsainan pengeluaran dan penerima buangan terjadual.

Premis Yang Ditetapkan (PYDT) adalah premis atau kemudahan yang dilesenkan di bawah Seksyen 18, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Di bawah seliaan JAS WPKL pada tahun 2020, terdapat 6 Kemudahan Pemerolehan Kembali Separa Luar Tapak Buangan Elektrik dan Elektronik (e-Waste) dan Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan tersebut. Pada sepanjang tahun tersebut, sebanyak 6 pembaharuan lesen premis Kemudahan Pemerolehan Kembali Luar Tapak Separa (e-Waste) dan 6 pembaharuan lesen Kemudahan Penstoran Luar Tapak-Pengangkutan buangan elektrik dan elektronik (e-Waste) telah dikeluarkan. Sebanyak 31 lawatan penguatkuasaan telah dilaksanakan terhadap kesemua 6 premis dan pengangkut PYDT BT tersebut dalam memastikan pematuhan terhadap Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) seperti yang ditunjukkan pada **Rajah 2.8**.

Berdasarkan lawatan penguatkuasaan yang telah dijalankan tersebut, sebanyak 3 Notis Arahan telah dikeluarkan dan 6 Kompaun telah ditawarkan susulan pelbagai ketidakpatuhan operasi Premis Yang DiTetapkan (PYDT) semasa siasatan pemeriksaan untuk tindakan penambahbaikan pihak pemilik premis berkenaan seperti ditunjukkan pada **Rajah 2.9**. Pada tahun 2020, peratusan pematuhan premis PYDT BT terhadap Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis Yang DiTetapkan) (Kemudahan Pengolahan Dan Pelupusan Buangan Terjadual) 1989, dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005, adalah sebanyak 66.67%.



Rajah 2.8 : Penguatkuasaan Premis Yang DiTetapkan Buangan Terjadual (PYDT BT) Tahun 2020 Oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah, Persekutuan Kuala Lumpur.



Rajah 2.9 : Tindakan Susulan Penguatkuasaan Premis Yang DiTetapkan Buangan Terjadual (PYDT BT) Tahun 2020 Oleh Jabatan Alam Sekitar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

UNIT KENDERAAN BERMOTOR


Kawalan Pelepasan Asap Daripada Kenderaan Diesel

Kawalan pelepasan asap hitam daripada kenderaan diesel telah dilaksanakan mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 melalui program-program berikut:

- i- Operasi Statik (Diesel, Petrol, Bunyi Bising Motosikal dan Gas Motorsikal)
- ii- Operasi Catat (merakam kesalahan menggunakan kamera video, dan mencatat nombor pendaftaran kenderaan yang dikesan melakukan kesalahan).
- iii- Kawalan punca ke atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator).
- iv- Kawalan pelepasan asap di hentian bas awam.
- v- Kawalan terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL).

Kawalan Pelepasan Asap Hitam Daripada Enjin Diesel

Sepanjang tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan sebanyak 29 operasi penguatkuasaan secara statik di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur. Hasil operasi tersebut sejumlah 1,529 buah kenderaan berenjin diesel telah diperiksa secara visual di mana daripada sejumlah itu, 102 buah kenderaan telah diuji dengan menggunakan meter asap dan, daripada jumlah tersebut pula, 40 buah kenderaan telah ditawarkan kompaun atas kesalahan mengeluarkan asap melebihi 50 HSU (Hartridge Smoke Unit) dan 47 Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, AKAS telah dikeluarkan supaya hadir ujian semula asap di mana-mana Kemudahan Yang Diluluskan seperti ditunjukkan pada **Rajah 2.10**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 97.4%.



Rajah 2.10 : Tindakan penguatkuasaan yang diambil ke atas Kenderaan Berenjin Diesel tahun 2020



Foto 1 : Operasi Pelepasan Daripada Enjin Diesel dan Gas CO/HC

Operasi Bersepadu

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga terlibat dengan Operasi Penguatkuasaan Bersepadu bersama agensi lain iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Keselamatan Jalanraya (JKJR). Penguatkuasaan dijalankan mengikut bidang tugas agensi masing-masing. Sepanjang tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah menjalankan 40 operasi melibatkan agensi-agensinya tersebut.




Foto 2 : Operasi Bersepadu Yang Dijalankan Bersama Pihak Agensi Lain

Operasi Catat

Bagi meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan asap hitam ke atas kenderaan berenjin diesel terutamanya di kawasan bandar, Operasi Catat menggunakan Video Kamera juga telah dilaksanakan. Pegawai-pegawai Peronda JAS Kuala Lumpur telah ditugaskan di beberapa lokasi dan laluan strategik serta jalan masuk dan keluar bandaraya Kuala Lumpur untuk mencatat nombor pendaftaran kenderaan dan merakamkan gambar kenderaan dengan menggunakan kamera video ke atas kenderaan yang disyaki melepaskan asap hitam berlebihan. Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 akan dikeluarkan kepada pemilik kenderaan yang berkenaan supaya membawa kenderaan mereka menjalani ujian pelepasan asap hitam dalam tempoh 30 hari dari tarikh yang ditetapkan di mana-mana Kemudahan yang Diluluskan. Sepanjang tahun 2020, sebanyak 361 operasi catat telah dijalankan. Sebanyak 34,154 buah kenderaan diesel telah diperhatikan dan daripada jumlah itu, 69 pemilik kenderaan telah diberi Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Pecahan mengikut jenis kenderaan seperti ditunjukkan pada **Rajah 2.11**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 99.8 %.

Pecahan Mengikut Jenis Kenderaan



Rajah 2.11: Bilangan Operasi Catat Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2020

Kawalan Punca Ke Atas Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator)

Selaras dengan kehendak Peraturan 18, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Pengendali Berkumpulan (Fleet Operator) iaitu individu atau syarikat yang memiliki dan mengendalikan 10 unit atau lebih kenderaan motor berenjin diesel dan petrol dikehendaki untuk menjalankan ujian asap hitam dan gas ke atas semua kenderaan motornya secara berkala di samping menjalani ujian asap hitam setiap 6 bulan yang diwajibkan oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan. Sejumlah 49 lawatan telah dijalankan ke atas 38 Pengendali Berkumpulan yang beroperasi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Lawatan penguatkuasaan yang dijalankan ke atas Pengendali Berkumpulan ini lebih tertumpu kepada keperluan penyediaan buku log yang mengandungi nombor pendaftaran kenderaan, tarikh, masa, serta keputusan ujian asap dan ianya adalah bertujuan untuk mengawal pencemaran udara di peringkat punca.



Foto 3 : Pemeriksaan Di Premis FO

Kawalan Terhadap Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL)

Pemilik kenderaan bermotor yang telah diberikan Notis Arahan di bawah Seksyen 48A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 semasa Operasi Statik ataupun Operasi Catat serta mana-mana kenderaan yang diadu melepaskan asap hitam adalah dikehendaki membawa kenderaan motor mereka untuk menjalani ujian semula pelepasan asap hitam di mana-mana KYDL. Kemudahan Yang Diluluskan (KYDL) adalah suatu tempat yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar yang dilengkapi dengan meter asap yang perlu dikalibrasi dan kakitangan yang terlatih bagi menjalankan apa-apa ujian asap sepertimana dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996. PUSPAKOM Wangsa Maju, PUSPAKOM Bukit Maluri, dan PUSPAKOM Cheras adalah KYDL yang diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pada tahun 2020, sebanyak 151 buah kenderaan telah hadir untuk menjalankan ujian semula pelepasan asap hitam di PUSPAKOM Wangsa Maju. Ujian semula ini dijalankan pada masa yang ditetapkan iaitu pada setiap hari Selasa dan Rabu bermula 9.00 pagi hingga 12.30 tengahari dan dilakukan oleh pihak PUSPAKOM dihadapan pegawai pegawai JAS WPKL yang ditugaskan untuk memerhati proses ujian semula kenderaan dan seterusnya mengesahkan keputusan ujian.



Foto 4 : Pemeriksaan Di Premis FO/KYDL

Kawalan Pelepasan Asap Di Hentian Bas Awam

Program penguatkuasaan di bawah Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996 telah dijalankan ke atas 8 buah hentian bas awam sekitar Kuala Lumpur iaitu Hentian Pudu Sentral, Hentian Duta, Hentian Pekeliling, Hentian Putrajaya Sentral, Terminal Bersepadu Selatan, Hentian Puduraya dan Hentian Sentral. Peraturan ini menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membenarkan enjin mana-mana kenderaan motor dihidupkan semasa kenderaan motor itu tidak bergerak selama lebih daripada 3 minit dalam kawasan tertutup atau kawasan letak kereta separa tertutup atau mana-mana perhentian. Sebanyak 8 lawatan penguatkuasaan dan kempen kesedaran telah dijalankan di hentian-hentian tersebut dan sebanyak 180 buah bas telah dipantau. Sepanjang tahun 2020 tiada kompaun dikeluarkan oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, walaubagaimanapun 5 Surat Arahan di lapangan telah dikeluarkan iaitu arahan supaya pemandu bas mematikan enjin kenderaan semasa berada di hentian.



Foto 5 : Operasi di Hentian Bas

Kawalan Pengurusan Refrigeran

Sebanyak 21 Pusat Servis Penghawa Dingin kenderaan yang terlibat dengan pengurusan refrigeran dari sistem penyejukan (aircond) kenderaan bermotor telah disiasat dan telah diuji dengan menggunakan Refrigerant Identifier sepanjang tahun 2020 bagi mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Pengurusan Refrigeran) 1999. Kesemua Pusat Servis Penghawa Dingin yang disiasat telah mematuhi peraturan di atas.





Foto 6 : Pemeriksaan pematuhan dan pengujian dengan menggunakan Refrigerant Identifier

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Kenderaan Petrol

Pada tahun 2020, sebanyak 18 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas kenderaan berenjin petrol di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996.

Melalui operasi tersebut sejumlah 272 kenderaan berenjin petrol diuji pelepasan gas karbon monoksida (CO) dan hidrokarbon (HC). Daripada jumlah tersebut, 57 kenderaan yang diuji didapati gagal mematuhi had pelepasan gas yang dibenarkan dan 56 buah daripadanya telah ditawarkan kompaun bagi kesalahan tersebut seperti ditunjukkan pada **Rajah 2.12**.

**OPERASI PERLEPASAN GAS
DARIPADA ENJIN PETROL 2020**



Rajah 2.12 : Status Pematuhan Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol




Foto 7 : Operasi Pelepasan Gas CO/HC daripada Kenderaan Berenjin Petrol

Kawalan Pelepasan Bunyi Bising Daripada Motosikal

Penguatkuasaan bunyi bising kenderaan motor dikuatkuasakan di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987. Pada amnya aktiviti penguatkuasaan pelepasan bunyi bising yang dijalankan oleh JAS WPKL lebih tertumpu kepada penguatkuasaan Peraturan 4, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987 iaitu yang melibatkan bunyi bising daripada motosikal. Penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 30 operasi penguatkuasaan telah dijalankan secara bersepadu bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Sebanyak 2,306 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan saringan dan sebanyak 309 buah motosikal telah diuji dengan menggunakan peralatan meter bunyi bising. Dari jumlah tersebut, 87 buah motorsikal telah dikenakan kompaun dan 213 surat arahan untuk menjalani ujian semula bunyi bising seperti ditunjukkan pada **Rajah 2.13**.

**STATUS PEMERIKSAAN DAN TINDAKAN BUNYI BISING
KENDERAAN MOTOSIKAL**




Rajah 2.13: Status Tindakan Ke Atas Pelepasan Bunyi Bising Motosikal



Foto 8 : Operasi Pelepasan Bunyi Bising Motosikal

Kawalan Pelepasan Gas Daripada Motosikal

Pada tahun 2020, sebanyak 4 operasi penguatkuasaan telah dilaksanakan ke atas Motosikal di bawah Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 telah dijalankan. Sebanyak 48 buah motosikal telah ditahan untuk pemeriksaan pelepasan gas dan daripada jumlah tersebut didapati 10 buah motosikal gagal mematuhi had pelepasan gas Karbon Monoksida (CO) yang dibenarkan. Sebanyak 9 kompaun dan 10 Surat Arahan dikeluarkan kepada pemilik motosikal yang gagal mematuhi had seperti ditunjukkan pada **Rajah 2.14**. Peratus pematuhan keseluruhan adalah 81.25%.



Rajah 2.14 : Status Tindakan Terhadap Pelepasan Gas CO daripada Motosikal




Foto 9 : Operasi Pelepasan Gas CO daripada Motosikal

ADUAN

Pada tahun 2020, sebanyak 758 kes aduan mengenai pencemaran alam sekitar telah diterima dan diambil tindakan susulan berbanding 727 kes yang diterima pada tahun 2019 iaitu peningkatan penerimaan aduan sebanyak 31 kes atau 4.1%.


Statistik aduan yang telah diterima oleh Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sejak 2010 sehingga 2020 menunjukkan bahawa bilangan aduan pada tahun 2020 adalah yang tertinggi. Penerimaan aduan daripada pengadu adalah melalui talian telefon *hotline*, aplikasi What'sApp, sistem e-aduan, saluran internet, ataupun secara datang bersemuka ke pejabat. Statistik aduan tersebut boleh dirujuk pada **Rajah 2.15** – Statistik aduan yang diterima JAS WPKL sejak tahun 2010 sehingga tahun 2020.



Rajah 2.15 : Statistik Aduan Yang Diterima JAS WPKL Sejak Tahun 2010 Sehingga Tahun 2020.

Pecahan jenis aduan awam yang diterima sepanjang tahun 2020 pula, pencemaran udara masih merupakan jenis aduan pencemaran yang tertinggi diterima iaitu sebanyak 612 kes (81%), ini diikuti dengan kes pencemaran air sebanyak 38 kes (5%), kes pencemaran bunyi bising sebanyak 60 kes (8%), kes pencemaran buangan terjadual sebanyak 9 kes (1%), dan kes pencemaran lain-lain yang dikategorikan sebagai aduan umum sebanyak 36 kes (4.7%) daripada jumlah kes pencemaran yang diterima. Manakala kes pencemaran tumpahan minyak sebanyak 2 kes (0.2 %) dan aduan pencemaran tanah 1 kes (0.1%). Pecahan bilangan mengikut jenis aduan adalah seperti di dalam **Rajah 2.16** – Bilangan jenis aduan yang diterima JAS WPKL dari 1 Januari 2020 sehingga 31 Disember 2020.

Bagi aduan yang terletak di luar bidangkuasa, Jabatan ini telah menyalurkan aduan tersebut secara rasmi kepada jabatan dan agensi yang mempunyai bidangkuasa berkaitan bagi membantu menyelesaikan aduan awam yang telah diterima.



Rajah 2.16 : Carta Peratusan jenis aduan tahun 2020.

RONDAAN MENCEGAH PENCEMARAN ALAM SEKITAR

Sebanyak 194 rondaan mencegah pencemaran alam sekitar melalui Operasi Mencegah Pembakaran Terbuka telah dijalankan sepanjang tahun 2020. Rondaan dijalankan di kawasan sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur yang tertumpu kepada kawasan Mukim Petaling dan Mukim Cheras kerana ia terletak di dalam lingkungan 30 km jejari sekitar KLIA yang diisytiharkan sebagai Zon Larangan Pembakaran Terbuka dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan, Putrajaya.

PENDAKWAAN

KOMPAUN

Sepanjang tahun 2020, sebanyak 369 tawaran kompaun telah dikeluarkan oleh pasukan penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL). Kesemua tawaran kompaun tersebut adalah merangkumi kesalahan – kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan – Peraturan dibawahnya sepertimana di **Rajah 2.17**.


Sepanjang tahun 2020, sebanyak 6 kompaun dikeluarkan bagi kesalahan kes pembakaran terbuka di bawah Seksyen 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, manakala 1 kompaun dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009, 5 kompaun di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Perindustrian) 2009 serta 14 kompaun bagi kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009.

Bilangan kompaun yang tertinggi adalah sebanyak 151 kompaun telah dikeluarkan bagi kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 termasuk 22 kompaun daripada Ops di JAS Selangor.

Bagi kawalan pencemaran udara, sebanyak 56 dan 40 tawaran kompaun masing - masing telah dikeluarkan di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996.

Sementara itu, sebanyak 9 tawaran kompaun telah dikeluarkan di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003 dan 87 lagi tawaran kompaun di bawah Peraturan – Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Bunyi Bising Kenderaan Bermotor) 1987 sepertimana di **Jadual 2.0**.

Keseluruhannya, pada tahun 2020 JAS WPKL telah berjaya mengumpul hasil bayaran kompaun sebanyak **RM 248,150.00**. Walaubagaimana pun, terdapat 10 kompaun yang masih belum dibayar dan pegawai penyiasat telah diarahkan untuk menyediakan kertas siasatan bagi tujuan tindakan susulan ke mahkamah.



Rajah 2.17 : Taburan Kompaun yang telah dikeluarkan oleh JAS WPKL tahun 2020

Jadual 2.0 : Jadual menunjukkan bilangan kompaun mengikut kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Bil.	Kesalahan	Bilangan Kompaun
1	PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003	9
2	PPKAS (Bunyi Bising Kenderaan Motor) 1987	87
3	PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996	40
4	PPKAS (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996	56
5	Seksyen 29A AKAS 1974	6
6	PPKAS (Kawalan Pencemaran Daripada Stesen Pemindahan Sisa Pepejal Dan Kambus Tanah) 2009	1
7	PPKAS (Kumbahan) 2009	14
8	PPKAS (Efluen Perindustrian) 2009	5
9	PPKAS (Buangan Terjadual) 2005	151

TINDAKAN MAHKAMAH

Sepanjang tahun 2020, Unit Pendakwaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah berjaya menjalankan 5 kes pendakwaan bagi kesalahan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). Kesalahan tersebut membabitkan masing-masing 1 kes pendakwaan di bawah Seksyen 34A, Seksyen 16 AKAS 1974, PPKAS (BT) 2005, PPKAS (Kumbahan) 2009 dan PPKAS (KPDSPSPKT) 2009.

Daripada jumlah tersebut, 1 kes telah didakwa di bawah PPKAS (BT) 2005 dengan denda yang dikenakan berjumlah RM40,000.00, 1 kes di bawah PPKAS (Kumbahan) 2009 dengan denda RM 55,000.00 dan 1 kes di bawah Seksyen 16 AKAS 1974 dengan denda RM 5000.00. Manakala 1 kes di bawah Seksyen 34A AKAS 1974 telah dilepaskan dan dibebaskan (DNA) oleh mahkamah dan 1 kes lagi adalah kes dimana OKS telah membayar kompaun sebanyak RM 2,000.00. sepertimana di dalam **Jadual 2.1**.

Jumlah keseluruhan kutipan denda yang dikenakan kepada OKS oleh mahkamah sepanjang tahun 2020 adalah sebanyak **RM 100,000.00**. Manakala 1 kes tidak diteruskan (NFA) oleh pihak pendakwaan memandangkan Orang Kena Saman (OKS) telah membayar kompaun sebanyak RM 300.00.

Di samping itu, sepanjang tahun 2020 juga, sebanyak 16 kertas siasatan baru telah dibuka bagi kesalahan yang telah dilakukan di bawah AKAS 1974 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya. Daripada jumlah itu, sebanyak 5 kes telah didaftarkan di mahkamah dan 2 kes telah dikenakan tindakan manakala 3 lagi kes masih dalam tindakan mahkamah dan akan diteruskan pada tahun 2021.

**Jadual 2.1 : Bilangan Kes Bagi Tindakan Pendakwaan di Mahkamah, JAS WPKL
Tahun 2020**

KES DAKWA DI MAHKAMAH ATAS KESALAHAN	BILANGAN KES	DENDA (RM)
Seksyen 16, AKAS 1974	1	5,000
Seksyen 34A, AKAS 1974 <i>(kes DNA di peringkat perbicaraan pihak pembelaan)</i>	1	-
PPKAS (BT) 2005	1	40,000
PPKAS (Kumbahan) 2009	1	55,000
PPKAS (KPDSPSPKT) 2009 - DNA (kompauun RM 2000)	1	-
JUMLAH		100,000.00

**Nota : DNAA – Dilepaskan tanpa dibebaskan, DNA- Dilepaskan dan dibebaskan, NFA – Kes tidak diteruskan*

BAB 3

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

UNIT PENILAIAN EIA/INPUT PEMBANGUNAN/NOTIFIKASI KELULUSAN BERTULIS

Pemprosesan Laporan EIA

Pada tahun 2020, Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) telah memproses 2 Laporan Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (*Environmental Impact Assessment, EIA*) dan 5 laporan Bidang Rujukan (*Term of Reference, TOR*) dalam tempoh piagam yang ditetapkan.


Penilaian Input Pembangunan

Bagi tahun 2020, sebanyak 23 permohonan input pembangunan diterima daripada pelbagai agensi termasuk pihak swasta, pihak berkuasa tempatan dan agensi kerajaan. Pada keseluruhannya, permohonan yang diterima oleh JAS WPKL adalah sebanyak 4 permohonan daripada sektor operasi kilang (PYBDT), 9 permohonan pembinaan sementara premis pembancuh konkrit (CBP) dan 7 permohonan bagi pembangunan am yang terdiri daripada projek pembinaan kawasan perumahan, projek tertakluk penyediaan Laporan Penilaian Kesan kepada Alam Sekitar (EIA) dan penempatan di kawasan premis sedia ada. Selain itu, sebanyak 3 permohonan diterima bagi kategori lain-lain.


Pelaksanaan pemeriksaan di lapangan bagi permohonan input pembangunan telah dilaksanakan secara fizikal termasuk penggunaan teknologi dron untuk mengumpul data visual daripada udara dan mengenal pasti keseluruhan kawasan pembangunan.

Bagi tahun 2020, status bilangan kes permohonan Input Pembangunan yang diterima bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya adalah seperti di **Rajah 3.0** dan **Rajah 3.1**.

Permohonan Input Pembangunan di WPKL dan Putrajaya 2020



Rajah 3.0 : Status Permohonan Input Pembangunan 2020 mengikut sektor



Rajah 3.1 : Status Permohonan Input Pembangunan 2016 – 2020



Foto 10 : Premis Pembancuh Konkrit Sementara



Foto 11 : Pemeriksaan Tapak Permohonan Input Pembangunan Dengan Penggunaan Teknologi Dron di Lapangan

Pada tahun 2020, JAS WPKL turut memproses sebanyak 31 permohonan Lanjut Tempoh Penstoran Buangan Terjadual (BT) di tapak bina.



Foto 12 : Stor Buangan Terjadual di Tapak Bina Untuk Permohonan Lanjut Tempoh 180 hari

Kebenaran Bertulis Alat Kawalan


Permohonan Kebenaran Bertulis Alat Kawalan melibatkan permohonan Notifikasi Alat Janakuasa dan Perisytiharan Bertulis Alat Janakuasa serta Sistem Kawalan Pencemaran Udara. Sebanyak 545 unit alat pembakaran bahanapi telah diproses berserta 183 unit permohonan Perisytiharan Bertulis.

Untuk Sistem Kawalan Pencemaran Udara (SKPU), 8 permohonan telah diproses penapis beg bagi operasi dan stor simen konkrit silo di lapangan tapak pembinaan dan cerobong di pusat pengajian tinggi awam dan sekolah. Permohonan Kebenaran Bertulis Alat Kawalan adalah daripada tapak projek EIA, sektor pembinaan bangunan kediaman, pejabat, komersil dan hospital. Permohonan tersebut dilakukan oleh pihak pemaju industri, kontraktor berdaftar dengan bantuan juruperunding bagi perisytiharan bertulis.

GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS)

Geospacial

Aplikasi GIS dalam bentuk Portal GIS Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti di Gambar foto telah disediakan bagi kegunaan pegawai dan kakitangan JAS seluruh Malaysia dalam membantu melaksanakan tugas kerja dan tanggungjawab seharian. Portal GIS dapat membantu pegawai khususnya di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) bagi melaksanakan penguatkuasaan secara mudah, cepat dan berkesan. Penggunaan teknologi dron turut membantu kerja-kerja geospacial terutama bagi tugas-tugas pemantauan dan pengawasan alam sekitar.



Portal GIS Jabatan Alam Sekitar

Aplikasi ini dapat memaparkan taburan punca pencemaran alam sekitar sama ada dari premis atau aktiviti pembangunan EIA. Maklumat ini diperolehi daripada sistem pangkalan data Jabatan serta digabungkan dengan maklumat spatial lain yang diperolehi dari sumber luar serta analisa dalaman. Aplikasi ini dapat membantu pegawai JAS dalam memproses permohonan input pembangunan, penilaian kesan

kepada alam sekeliling (EIA), penyiasatan aduan, penguatkuasaan permis dan pengawasan alam sekitar.

Bagi tujuan pemantapan penggunaan GIS di kalangan pegawai-pegawai, JASWPKL telah menganjurkan Bengkel *Hands On GIS* pada 1-2 Oktober 2020 bertempat di Bilik ICT, Aras 3, Jabatan Alam Sekitar Ibupejabat, Putrajaya. Bengkel ini diadakan selaras dengan matlamat Ibupejabat JAS yang ingin menerapkan budaya penggunaan aplikasi GIS dalam penggunaan tugas atau kerja yang dijalankan. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Pengarah JASWPKL, Ts. Azlan bin Haji Ahmad.



Foto 13 : Bengkel Hands On GIS pada 1-2 Oktober 2020



Foto 14 : Bengkel Hands On GIS pada 1-2 Oktober 2020




Foto 15 : Bengkel Hands On GIS pada 1-2 Oktober 2020

UNIT POST EIA

PENGUATKUASAAN POST EIA

Sebanyak 92 lawatan penguatkuasaan telah dijalankan terhadap 14 projek EIA yang dipantau bagi tahun 2020 yang melibatkan projek di peringkat pembinaan dan juga yang telah beroperasi. Berdasarkan kepada lawatan penguatkuasaan tersebut, sebanyak 92 *field citation*, 9 Notis Arahan, 1 kompaun dan 3 Kes Mahkamah dikeluarkan bagi tahun 2020 seperti di **Rajah 3.2**.



Rajah 3.2 : Tindakan Penguatkuasaan Terhadap Projek-Projek Yang Tertakluk Di Bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015

Tindakan kawalan pencemaran semasa kerja pembinaan dijalankan.



Foto 16 : Pemeriksaan “Silt Pond & Waste Water Treatment Plant” di kawasan projek.



Foto 17 : Pemeriksaan permukaan cerun bagi pembinaan stesen MRT di bawah permukaan tanah yang telah distabilkan menggunakan *cement grouting*



Foto 18 : Pemeriksaan "Noise Barrier" berhampiran dengan rumah kediaman.



Foto 19 : Pemeriksaan "Silt Pond & Waste Water Treatment Plant" menggunakan drone

Lawatan Tapak Projek



Foto 20 : Gambar menunjukkan pemeriksaan “silt fence” di tapak projek.



Foto 21 : Gambar menunjukkan pemeriksaan “Slope Protection”.



Foto 22 : Gambar menunjukkan pemeriksaan “Silt Trap” di tapak projek.



Foto 23 : Gambar menunjukkan pemeriksaan “Schedule Waste Storage”.



Foto 24 : Gambar menunjukkan pemeriksaan "silt trap".



Foto 25 : Gambar menunjukkan pemeriksaan "Schedule Waste Storage".



Foto 26 : Gambar menunjukkan pemeriksaan “earth drain”.



Foto 27 : Gambar menunjukkan pemeriksaan “turfin”.




Foto 28 : Gambar menunjukkan pemeriksaan "silt fence".

PENGAWASAN

PENGAWASAN KUALITI ALAM SEKELILING JABATAN ALAM SEKITAR WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAS WPKL) bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja pengawasan bagi status kualiti alam sekeliling untuk memantau serta mengenal pasti sebarang perubahan kepada alam sekeliling di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya. Pada tahun 2020, Program pengawasan utama terbahagi kepada 3 iaitu pengawasan kualiti air tanah, pengawasan kualiti udara dan pengawasan kualiti air sungai. Pengawasan bunyi bising turut dilaksanakan bagi membantu pemantauan bagi kes-kes aduan bunyi bising daripada projek EIA yang diterima daripada aduan orang awam. Kerja-kerja pengawasan dilaksanakan secara pemantauan dilapangan serta pemantauan data secara desktop melalui Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Management Programme – EQMP*) dan Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS).

Kerja-kerja pengawasan secara desktop atas talian melalui sistem



Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (*Environmental Quality Management Programme – EQMP*)



Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar (E-KAS)

Pengawasan Kualiti Air Tanah

Program pengawasan kualiti air tanah di JAS WPKL telah bermula sejak tahun 1997. Pada tahun 2020, Terdapat 7 stesen pengawasan air tanah seliaan JAS WPKL. Kerja-kerja pengawasan bagi pesampelan kualiti air tanah tidak dapat disempurnakan bagi 4 frekuensi susulan daripada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) akibat pandemic virus Covid-19.

Jadual 3.0 : Jadual Pesampelan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020

Bil	Lokasi	ID Stesen Baru / ID stesen Lama	Tarikh Persampelan
1	Taman Beringin Kepong	MW(7)-W310115-4-7.26 / MW(7)-S13-1-7.26m (A)	30.1.2020 15.7.2020 13.10.2020
2	Taman Beringin Kepong	MW(7)-W310115-5-6.10 / MW(7)-S13-2-6.10m (B)	30.1.2020 15.7.2020 13.10.2020
3	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-1-5.50 / MW(7)-S11-1-5.50m (A)	30.6.2020 26.8.2020
4	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-2-5.54 / MW(7)-S11-1-5.54m (B)	30.6.2020 26.8.2020
5	Jalan Sungai Besi	MW(7)-W310115-3-5.57 / MW(7)-S11-1-5.57m (C)	30.6.2020 26.8.2020
6	Royal Selangor Golf Resort	MW(7)-W310115-6-5.37 / MW(7)-S12-1-5.37m (C)	Telaga dalam penyelenggaraan – Tidak mempunyai air

7	Taman Wetland Putrajaya	MW(7)-W210103-1-10.0	22.6.2020 22.7.2020 21.10.2020
---	-------------------------	----------------------	--------------------------------------

Pada tahun 2020, JAS WPKL telah menerima peruntukan sebanyak RM 2000.00 (Ringgit: Dua Ribu sahaja) bagi melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan di 2 lokasi stesen air tanah yang terletak di Taman Beringin Kepong dan Taman Wetland, Putrajaya.



Foto 29 : Kerja-kerja penyelenggaraan di Stesen Taman Beringin Kepong dan Taman Wetland, Putrajaya

Jadual 3.1 : Lokasi Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Bawah Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020

Bil	Lokasi	Jenis Guna Tanah	ID Stesen Baru / ID stesen Lama	Long/Lat
1	Taman Beringin Kepong	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-4-7.26 / MW(7)-S13-1-7.26m (A)	E 101.658580 N 3.232221
2	Taman Beringin Kepong	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-5-6.10 / MW(7)-S13-2-6.10m (B)	E 101.656352 N 3.227653
3	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-1-5.50 / MW(7)-S11-1-5.50m (A)	E 101.708737 N 3.105767
4	Jalan Sungai Besi	Tapak Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-W310115-2-5.54 / MW(7)-S11-1-5.54m (B)	E 101.709923 N 3.107251
5	Jalan	Tapak	MW(7)-W310115-3-5.57 /	E 101.709923

	Sungai Besi	Pelupusan Sisa pepejal	MW(7)-S11-1-5.57m (C)	N 3.107251
6	Royal Selangor Golf Resort	Padang Golf	MW(7)-W310115-6-5.37 / MW(7)-S12-1-5.37m (C)	E 101.724000 N 3.148000
7	Taman Wetland Putrajaya	Bandar / Separa Bandar	MW(7)-W210103-1-10.0	E 101.713632 N 2.962034

Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah Seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020



Foto 30 : 1 Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Royal Selangor Golf Club



Foto 31 : 2 Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Taman Beringin Kepong



Foto 32 : 3 Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Jalan Sungai Besi, Kuala Lumpur



Foto 33 : 1 Stesen Telaga Pemantauan Kualiti Air Tanah yang terletak di Taman Wetland, Putrajaya

Indeks Kualiti Air Tanah (IKAT) merupakan indikator bagi menentukan kategori dan status kualiti air tanah. Terdapat 7 parameter yang diambil kira dalam pengiraan IKAT iaitu pH, Ferum, Jumlah pepejal terlarut, Nitrat, E-coli, Fenol dan Sulfat.

Jadual 3.2 : Klasifikasi Indeks Kualiti Air Tanah

INDEKS KUALITI AIR TANAH	
KATEGORI	NILAI INDEKS
Terbaik	90-100
Baik	70 - 89
Sederhana	40 - 69
Tercemar	16 - 39

Pengawasan Kualiti Udara

Pada 14 April 2017, syarikat konsesi baru yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah mengambil alih tanggungjawab bagi membangunkan Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme – EQMP) bagi melaksanakan pemantauan status kualiti udara secara online. Terdapat 3 stesen pengawasan kualiti udara automatik (*Continuous Air Quality Monitoring – CAQM*) dan 3 stesen pengawasan kualiti udara manual (*Manual Air Quality Monitoring – MAQM*) dibawah seliaan JAS WPKL.

Pada 9 Julai 2020, JAS WPKL bersama-sama wakil Ibu Pejabat dan Dewan Bandaraya telah mengadakan lawatan ke bangunan baru Jabatan Kesihatan Dan Alam Sekitar (JKAS) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur di Taman Pudu Hulu, bagi membincangkan cadangan pemindahan stesen pengawasan udara manual di Wisma SCA.



Foto 34 : Lawatan kerja ke tapak cadangan pemindahan Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020

Jadual 3.3 : Stesen Pengawasan Kualiti Udara Automatik seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA AUTOMATIK / Continues Air Quality Monitoring Station (CAQMS)			
NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT	KATEGORI
Batu Muda CA15W	Sekolah Kebangsaan Batu Muda Jalan 2/12d, Sentul, 51100 Kuala Lumpur	101.682228 3.212439	Sub Urban

Cheras CA16W	Stadium Mini Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permaisuri Jalan Seri Permaisuri, Bandar Sri Permaisuri, 56000 Kuala Lumpur	101.717917 3.106236	Urban
Presint 18 CA17W	Sekolah Kebangsaan Presint 18 (2) No.3, Jalan P18, Presint 18, 2100 Putrajaya	101.69005 2.914816	Sub Urban

Stesen Pengawasan Udara Automatik (CAQM) seliaan JAS WPKL, 2020



Foto 35 : Stesen Udara Automatik di Sekolah Kebangsaan Batu Muda, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur



Foto 36 : Stesen Udara Automatik di Sekolah Menengah Seri Permaisuri, Cheras, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur



Foto 37 : Stesen Udara Automatik di Sekolah Kebangsaan Presint 18(2), Wilayah Persekutuan, Putrajaya

Jadual 3.4 : Stesen Pengawasan Kualiti Udara Manual seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 2020

STESEN PENGAWASAN KUALITI UDARA MANUAL / Manual Air Quality Monitoring Station (MAQMS)		
NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT
Klinik Kesihatan Kuala Lumpur MA04W	MRR1 Jalan Temerloh, Titiwangsa 53200 Kuala Lumpur,	101.707494 3.173285
Wisma SCA MA05W	JAS WPKL No.3, Jalan Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur	101.712559 3.132627
Bangunan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur MA06W	Menara DBKL 1 Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur	101.694368 3.151995

Stesen Pengawasan Udara Manual (MAQM) seliaan JAS WPKL, 2020



Foto 38 : Stesen Udara Manual di Klinik Kesihatan Kuala Lumpur,
Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur



Foto 39 : Stesen Udara Manual di Wisma SCA, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur



Foto 40 : Stesen Udara Manual di Bangunan DBKL, Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur

Status Kualiti Udara diukur dengan Indeks Pencemaran Udara (IPU). Antara parameter-parameter IPU yang diukur adalah Pepejal terampai bersaiz 10 mikrometer (PM_{10}) dan bersaiz 2.5 mikrometer ($PM_{2.5}$), Sulfur dioksida (SO_2), Nitrogen doiksida (NO_2), Karbon monoksida (CO) dan ozon paras bumi (O_3) sepertimana di **Jadual 3.5** & **Jadual 3.6**

Jadual 3.5: Standard Baru Kualiti Udara Ambien Malaysia mulai tahun 2020

Parameter	Masa Purata	Unit	Standard 2020
Pepejal Terampai PM₁₀	1 Tahun	$\mu\text{g}/\text{m}^3$	40
	24 Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$	100
Pepejal Terampai PM_{2.5}	1 Tahun	$\mu\text{g}/\text{m}^3$	15

	24 Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$	35
Sulfur Dioksida SO₂	1 Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$ ppm	250 0.095
	24 Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$ ppm	80 0.030
Karbon Monoksida CO	1 Jam	mg/m^3 ppm	30 26.2
	8 Jam	mg/m^3 ppm	10 8.75
Nitrogen Dioksida NO₂	1 Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$ ppm	280 0.150
	24 Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$ ppm	70 0.037
Ozon O₃	1Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$ ppm	180 0.090
	8 Jam	$\mu\text{g}/\text{m}^3$ ppm	100 0.050

Jadual 3.6 : Bacaan Indeks Kualiti Udara (IPU)

Indeks Pencemaran Udara (IPU)	Status
0-50	Baik
51-100	Sederhana
101-200	Tidak Sihat
201-300	Sangat Tidak Sihat
>300	Berbahaya

Pengawasan Kualiti Air Sungai

Pada 14 April 2017, syarikat konsesi baru yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia iaitu Pakar Scieno TW Sdn Bhd telah mengambil alih tanggungjawab bagi membangunkan Sistem Program Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (Environmental Quality Management Programme – EQMP) bagi melaksanakan pemantauan status kualiti air secara online. Terdapat 1 stesen pengawasan kualiti air sungai (*Continuous River Water Quality Monitoring – CRWQM*) dan 26 stesen pengawasan kualiti air sungai manual (*Manual River Water Quality Monitoring – MRWQM*) di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. **Jadual 3.7**, **Jadual 3.8**, **Jadual 3.9** dan **Jadual 3.10** adalah berkaitan.

Jadual 3.7 : Program Pengawasan Sungai Tahun 2020

Tarikh	Nama Sungai	Aktiviti
14 Februari 2020	Sungai Bunos	Pemantauan insitu sekitar stesen 2WKLG006, 2WKLG039, 2WKLG043
26 Februari 2020	Sungai Bunos	Pemantauan insitu sekitar stesen 2WKLG006 (1K27) dan jajaran sekitar kawasan Kg. Baru
5 Mac 2020	Sg. Klang Sg. Gombak Sg. Bunos	Pengauditan bersama PSTW 2WKLG004 (1K25) 2WKLG018 (1K17) 2WKLG006 (1K27)
1 Jun 2020	Jajaran Kawasan Batu Muda ke Sg. Gombak	Aduan sekitar kawasan perindustrian Batu Muda
13 Julai 2020	Sg. Gombak Sg. Belongkong Sg. Pusu Sg. Gombak	Pengauditan bersama PSTW lokasi stesen pengawasan manual sempadan negeri 2WKLG026 (1K18) 2WKLG040 (1K34) 2BKLG021 (Baru) 2BKLG027 (1K24)

27 Julai 2020	Sg. Gombak Sg. Pusu Sg. Belongkong	Pemantauan menggunakan Drone 2BKLG027 (1K24) 2BKLG021 (Baru) 2WKLG040 (1K34)
28 Julai 2020	Sg. Belongkong Sg. Gombak Sg. Air Busuk Sg. Utut Sg. Gombak Sg. Gombak	Pemantauan menggunakan Drone 2WKLG040 (1K34) 2WKLG026 (1K18) 2WKLG041 (1K35) 2WKLG038 (1K32) 2WKLG018 (1K17) 2WKLG060 (Baru)
14 September 2020	Sungai Jinjang	Pemantauan In-situ dan Drone Point 1: Sungai Jinjang (upstream berhampiran TPS) (101.66117, 3.231099) Point 2: Final Discharge Point Taman Beringin A (101.661938, 3.226076) Point 3: Final Discharge Point Taman Beringin B (101.661969, 3.226070) Point 4: Sungai Jinjang berhampiran pump 6 (101.661554, 3.230222) Point 5: Raw Pump 6 (101.663397, 3.228782) Point 6 : Sungai Jinjang (downstream pump) (101.665113, 3.227406)

Aktiviti Program Pengawasan Air Sungai Tahun 2020



Foto 41 : Pengawasan in-situ Sungai Jinjang dan Sg. Bunos, Kuala Lumpur



Foto 42 : Pengauditan bersama konsesi PSTW



Foto 43 : Pemantauan sungai dengan Dron

Jadual 3.8 : Stesen Pengawasan Automatik Kualiti Air Sungai di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, 2020

STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI AUTOMATIK / Continues River Water Quality Monitoring Station (CRWQM)				
ID	NAMA STESEN	LOKASI	LOG/LAT	CATATAN
CR12W	KAMPUNG PASIR: Petaling, Kuala Lumpur	Confluences of Sungai Kerayong, STP Pantai	101.6719 3.090691	Upstream 1K25 Downstream 1K06

Stesen Pengawasan Air Sungai Automatik (CWRQM) seliaan JAS WPKL, 2020



Foto 44 : Stesen Pengawasan Air Sungai Automatik

Jadual 3.9 : Stesen Pengawasan Manual Kualiti Air Sungai di bawah seliaan Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur, 2020

STESEN PENGAWASAN KUALITI AIR SUNGAI MANUAL / Manual River Water Quality Monitoring Station (MRWQM)		
ID STESEN	SUNGAI	LOKASI
2WKLG041 (1K35)	AIR BUSUK	Wisma Felda Ecovest, Kg Puah Sentul
2WKLG047 (1K42)	ANAK AIR BATU	Masjid Universiti Malaya
2WKLG056 (1K19)	BATU	Jambatan JPS Kg.Kasipillay
2WKLG061 (Baru)	BATU	Jambatan Jalan Ipoh Kampung Batu
2WKLG040 (1K34)	BELONGKONG	Pasar Besar Gombak
2WKLG006 (1K27)	BUNUS	HKL
2WKL G039 (1K33)	BUNUS	Pulapol Jln. Semarak
2WKLG043 (1K37)	BUNUS	Sek.Men.Teknik Setapak
2WKLG018 (1K17)	GOMBAK	Jambatan di Perhentian Tun Razak
2WKLG026 (1K18)	GOMBAK	Kg.Bandar Dalam, Padang Balang
2WKLG060 (Baru)	GOMBAK	PWTC
2WKLG014 (1K22)	JINJANG	Sek.Keb. Batu
2WKLG031 (1K38)	JINJANG	Bulatan Jalan Ipoh
2WKLG045 (1K29)	JINJANG	Taman Wahyu(Kolam JPS)
2WKLG015 (1K21)	KEROH	Kasepilley Dalam
2WKLG001 (1K06)	KLANG	Jambatan di Petaling Bahagia
2WKLG002 (1K07)	KLANG	Jambatan dekat Bangunan Sultan Sulaiman
2WKLG003 (1K08)	KLANG	Jambatan Jalan Dang Wangi
2WKLG004 (1K25)	KLANG	Jambatan Mid Valley dengan Flat Abd.Hukum
2WKLG049 (1K09)	KLANG	Berhampiran Balai Bomba Keramat
2WKLG052 (1K15)	KUYOH	Jambatan Bawah Berdekatan Petron

2WKLG010 (1K50)	PENCHALA	Taman Lembah Kiara(TTDI)
2WKLG051 (1K41)	KERAYONG	Sk Seri Setia Taman Desa
2WKLG013 (1K47)	KERAYONG	Jalan Quarry Cheras
2WKLG037 (1K31)	TOBA	Segambut Dalam
2WKLG038 (1K32)	UNTUT	Kuarters Polis Sentul

Jadual 3.10 : Klasifikasi Indeks Kualiti Air Jabatan Alam Sekitar

Parameter	Unit	KELAS				
		I	II	III	IV	V
Ammonia Nitrogen	mg/l	< 0.1	0.1 – 0.3	0.3 – 0.9	0.9 – 2.7	> 2.7
Keperluan Oksigen Biokimia	mg/l	< 1	1 – 3	3 – 6	6 – 12	> 12
Keperluan Oksigen Kimia	mg/l	< 10	10 – 25	25 – 50	50 – 100	> 100
Oksigen Terlarut	mg/l	> 7	5 – 7	3 – 5	1 – 3	< 1
pH	-	> 7.0	6.0 – 7.0	5.0 – 6.0	< 5.0	> 5.0
Pepejal Terampai	mg/l	< 25	25 - 50	50 - 150	150 - 300	> 300
Indeks Kualiti Air		> 92.7	76.5 – 92.7	51.9 – 76.5	31.0 – 51.9	< 31.0

Pengawasan Bau

Program Pengawasan Bau menggunakan alat pengawasan CEREX telah diadakan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Khai Chee Segambut pada 14-16 Ogos 2020. Program dijalankan susulan aduan yang diterima dari pengadu berkaitan pencemaran VOC dari stesen minyak bersebelahan sekolah



Foto 45 : Aktiviti pengawasan Bau Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur bagi tahun 2020

KESEDARAN DAN PENCEGAHAN

Aktiviti Pendidikan Dan Kesedaran Alam Sekitar

Aktiviti pendidikan, kesedaran alam sekitar dan sebaran maklumat mengenai pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta penyampaian maklumat berkaitan undang-undang alam sekitar untuk setiap peringkat masyarakat dilaksanakan seperti tahun-tahun sebelumnya walaupun terdapat kekangan disebabkan wabak penyakit Covid-19.

Antara aktiviti yang dijalankan ialah ceramah, pameran, taklimat dan aktiviti pengumpulan buangan elektrik dan elektronik (e-waste) yang melibatkan sekolah, institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pihak industri dan komuniti. JAS WPKL juga mengadakan beberapa aktiviti melibatkan pelajar sekolah rendah dan kebangsaan iaitu pertandingan “sisa ke seni” dan “ajak bersajak” sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Selain itu, sambutan Hari Alam Sekitar Negara disambut di peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara maya yang melibatkan aktiviti pertandingan mewarna peringkat sekolah rendah, pertandingan ‘doodle art’ peringkat remaja, pertandingan video viral (terbuka) dan bengkel kokedema.

Bagi tahun 2020, sebanyak 23 kempen kesedaran alam sekitar telah diadakan berkenaan kepentingan penjagaan alam sekitar seperti ceramah, pameran, seminar dan aktiviti berbentuk alam sekitar di sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi, industri dan lain-lain di sekitar Kuala Lumpur dan Putrajaya.

Selain itu, sebanyak 11 ceramah atau taklimat berkenaan kesedaran alam sekitar telah disampaikan kepada pihak industri, Institut Pendidikan Tinggi dan org awam. Pameran juga telah dilaksanakan kepada 6 sekolah/agensi/syarikat.

Program pendidikan alam sekitar juga diadakan dalam bentuk program Kem Kesedaran Alam Sekitar (KeKAS). Pada tahun ini, KeKAS telah diadakan pada 29-30 September 2020 bertempat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur dengan menjalankan Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon sempena Hari Ozon Sedunia. Peserta-peserta terdiri daripada pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Hari Alam Sekitar Sedunia (WED)

JAS WPKL telah melaksanakan beberapa aktiviti sempena sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia. Aktiviti yang dipertandingkan adalah pertandingan anugerah hijau 'sisa ke seni' bagi peringkat sekolah rendah dan pertandingan bersajak di peringkat sekolah menengah. Pertandingan ini diadakan dengan kerjasama daripada EcoKnight bermula 6 Julai 2020 sehingga 24 Julai 2020 secara atas talian. Majlis perasmian anugerah hijau telah disempurnakan oleh Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Kuala Lumpur Tn Hj. Md. Khairi bin Selamat di Technology Park Malaysia, Bukit Jalil pada 21 Julai 2020. Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan anugerah hijau dan bersajak telah diadakan pada 28 Ogos 2020 di The Lot KL Event Space, Kuala Lumpur.



Foto 46 : e-poster bagi pertandingan Anugerah Hijau



Foto 47 : Majlis penutup dan penyampaian hadiah oleh Tn Hj. Md. Khairi bin Selamat



Foto 48 : Para pemenang bagi kategori sekolah menengah



Foto 49 : Para pemenang bagi kategori sekolah rendah



Foto 50 : Persembahan sajak daripada juara dan naib juara kategori sekolah menengah



Foto 51 : Produk yang dihasilkan daripada sisa ke seni oleh pelajar sekolah rendah

Sambutan Hari Ozon

Sambutan Hari Ozon telah diadakan pada 29 & 30 September 2020 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Kuala Lumpur. Program perlindungan lapisan ozon ini telah diadakan di kalangan pelajar-pelajar Universiti Teknologi Malaysia. Majlis telah dirasmikan oleh Ts. Azlan bin Hj. Ahmad, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan.

Antara pengisian Program tersebut adalah Penyerahan Sijil Penghargaan kepada Rakan Strategik oleh Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur di atas segala sumbangan yang telah diberikan sepanjang tahun 2020. Program dimulakan dengan ceramah yang disampaikan oleh Puan Siti Norhidayah Abdullah, Penolong Pengarah JAS WPKL berkaitan Pengenalan Pengawasan Kualiti Udara dan ceramah berkaitan ozon dan “How to detect gas leaking?” daripada pihak UTM. Seterusnya pelajar-pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan dan diminta untuk mendekorasi Beg (*Doddle art*) berkaitan perlindungan lapisan ozon dan alam sekitar seterusnya membentangkan kepada ahli panel untuk penilaian.

Beberapa agensi telah mengambil bahagian dengan mengadakan pameran iaitu pengumpulan baju terpakai daripada UTM, T-Pot Electrical & Electronic Sdn Bhd bagi pengumpulan E-waste, Uji kenderaan (bunyi bising & petrol) (JAS), Pameran penyelidikan (UTM), Pembekal Refrigerant dan Aurora Chemicals Sdn Bhd.



Foto 52 : Majlis perasmian sambutan hari ozon oleh Ts. Azlan bin Hj. Ahmad



Foto 53 : Penyampaian sijil penghargaan kepada rakan strategik



Foto 54 : Sesi lawatan ke booth pameran penghasilan 'doodle art'



Foto 55 : Sesi lawatan ke booth pameran pembekal 'refrigerant'



Foto 56 : Kerja kumpulan untuk dekorasi beg (doodle art)



Foto 57 : Pembentangan kumpulan bagi penilaian penghasilan 'doodle art'



Foto 58 : Penyampaian ceramah kepada peserta

Hari Alam Sekitar Negara 2020

Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan satu penjenamaan semula dan inisiatif penambahbaikan yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar daripada penganjuran Minggu Alam Sekitar Malaysia pada tahun-tahun sebelum ini. Sambutan HASN pada hari yang istimewa ini bertujuan untuk mengajak seluruh masyarakat agar sama-sama meraikan semangat kecintaan kepada alam sekitar. Selain itu, sambutan pada hari yang spesifik berbanding sambutan Minggu Alam Sekitar Malaysia selama satu minggu adalah lebih mencerminkan kepentingan untuk menjaga alam sekitar pada sepanjang tahun.

Pada tahun ini, EcoKnights bersama Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur telah mengadakan sambutan HASN peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur secara digital. Empat aktiviti utama yang diadakan adalah pertandingan mewarna; kategori terbuka kepada kanak-kanak berusia 7 hingga 12 tahun, pertandingan seni doodle; kategori terbuka kepada belia berumur 18 hingga 28 tahun, pertandingan Video Viral; terbuka kepada semua, dan bengkel kokedama (50 peserta pertama akan mendapat kit membuat asas kokedama). Para peserta berpeluang memenangi hadiah berjumlah RM3,000 beserta RM1,400 bagi kategori Video Viral, dan langganan KLEFFlix selama sebulan.

Majlis Perasmian Hari Alam Sekitar Negara

Majlis Perasmian HASN 2020 Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah berjaya diadakan secara maya pada 17 November 2020. Majlis bermula dengan deklamasi sajak oleh Prof Ir. Dr. Mohd Fadhil bin Md Din, dan seterusnya ucapan aluan oleh Tuan Ts. Azlan Bin Hj. Ahmad, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Kuala Lumpur. Majlis ini juga telah berjaya dirasmikan oleh YBhg. Datuk Hj. Mahadi Che Ngah.

Seterusnya, pemenang bagi setiap kategori yang dipertandingkan telah diumumkan pada majlis ini. Cik Fong Chuen Far, selaku koordinator Program River of Life, telah mengumumkan pemenang-pemenang bagi kategori mewarna. Bagi kategori Seni Doodle, pemenang-pemenang telah disampaikan oleh Puan Siti Norhidayah Binti Abdullah, bagi mewakili JASKL. Pemenang bagi kategori Video Viral pula diumumkan oleh Pengarah SWCorp Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tuan Mohd Zahir bin Shari.

Majlis ini telah diakhiri dengan deklamasi sajak oleh Muhammad Nur Adlan bin Sufian, pelajar dari SMK Zon R1 Wangsa Maju KL, selaku pemenang kategori Ajak Bersajak Anugerah Hijau 2020. Majlis turut diakhiri dengan tayangan filem pemenang video viral.



Foto 59 : Keputusan pemenang bagi pertandingan mewarna



Foto 60 : Keputusan pemenang bagi pertandingan 'doodle art'



Foto 61 : Keputusan pemenang bagi pertandingan video viral



Foto 62 : e-poster bagi pertandingan yang diadakan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia



Foto 63 : e-poster bagi pertandingan mewarna dan bengkel kokedema



Foto 64 : e-poster bagi pertandingan 'doodle art' dan pertandingan video viral



Foto 65 : Sesi merekod ucapan daripada Pengarah JAS WPKL



Foto 66 : Majlis perasmian Hari Alam Sekitar Negara (HASN) Peringkat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang diadakan secara virtual dan pengumuman para pemenang

Bengkel Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)

Bengkel Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) telah diadakan pada 14 Oktober 2020 dari jam 8.00 pagi – 1.00 petang secara maya (Webinar). Objektif program adalah:

- a. Menghargai sekolah-sekolah yang telah melibatkan diri di dalam menjayakan program SLAAS dan ESTECC di sekolah;
- b. Menggalakkan sekolah untuk mengadakan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar di peringkat sekolah;
- c. Menjadikan sekolah yang berjaya ke peringkat kebangsaan untuk berkongsi pengalaman dalam melaksanakan SLAAS; dan
- d. Memberi pengiktirafan kepada sekolah-sekolah yang berjaya melibatkan diri dalam SLAAS.



Foto 67 : Bengkel Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS)



Foto 68 : Ucapan aluan daripada Ts. Azlan bin Hj. Ahmad, Pengarah JAS WPKL




Foto 69 : Pembentangan daripada wakil Kementerian Pendidikan Malaysia



Foto 70 : Pembentangan berkaitan Promosi Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar (SLAAS) daripada Dr. Khalitasan

Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik

Sebanyak 6 Program pengumpulan buangan elektrikal & elektronik telah dijalankan oleh JAS WPKL pada tahun 2020. Objektif program adalah:

- a. Memberi pengenalan mengenai 6 kategori buangan elektrikal dan elektronik iaitu televisyen, komputer, penghawa dingin, telefon bimbit, peti sejuk dan mesin basuh / pengering terpakai;
- b. Memberi kesedaran kepentingan pelupusan buangan elektrikal dan elektronik dengan cara yang betul;
- c. Buangan elektrikal dan elektronik yang tidak dilupuskan dengan selamat akan memberikan kesan buruk kepada manusia dan alam sekitar; dan
- d. Memupuk kesedaran di kalangan masyarakat khususnya dalam pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.



Foto 71 : Majlis perasmian Pengumpulan Buangan Elektrikal & Elektronik



Foto 72 : Aktiviti-aktiviti pengumpulan buangan elektrikal & elektronik di beberapa lokasi bersama komuniti setempat dan Institusi Pengajian Tinggi

Pelajar Latihan Industri

Jabatan ini juga telah menerima pelajar-pelajar dari Institut Pengajian Tinggi (IPT) bagi menjalankan latihan industri. Pada tahun 2020, seramai 4 orang pelajar telah diterima untuk menjalankan latihan industri di JAS WPKL dari jurusan berkaitan alam sekitar dan kejuruteraan. Mereka ditempatkan di pelbagai unit di Jabatan ini di bawah penyeliaan ketua unit masing-masing. Mereka didedahkan kepada pengurusan alam sekitar yang meliputi penguatkuasaan, pendidikan, pengawasan dan penilaian kualiti alam sekitar.

TEKNOLOGI MAKLUMAT

Unit Teknologi Maklumat telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) di Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.


Sepanjang tahun 2020 kita menghadapi dan melawan bersama pandemic Covid19, Unit Teknologi Maklumat bekerjasama dengan Bahagian Pembangunan JAS WPKL jabatan ini dengan mengadakan seminar secara maya untuk memberikan pengetahuan dan membangkitkan kesedaran kepada pengguna diluar sana betapa pentingnya penjagaan Alam Sekitar.

SISTEM ATAS TALIAN (ONLINE SERVICES)

Terdapat beberapa sistem atas talian yang digunapakai oleh Jabatan dan para industri bagi memudahkan kerja-kerja seharian. Antaranya ialah :

E – KAS - Singkatan kepada Sistem Elektronik Kawalan Alam Sekitar merupakan sistem aplikasi bersepadu yang menampung kapasiti data-data dan maklumat berkaitan dengan alam sekitar.

APIMS: Sistem Pengurusan Indeks Pencemaran Udara – Suatu sistem bagi memudahkan orang awam untuk mengetahui kadar IPU (Indeks Pencemaran Udara) di Semenanjung Malaysia.



Sistem perpustakaan JAS – Merupakan perpustakaan khas untuk Jabatan Alam Sekitar dan ianya menyediakan satu sistem dalam memudahkan warga JAS mencari bahan ilmiah dengan cepat dan tepat.

Pusat Visual Industri Hijau – Pengeluaran Bersih merupakan aplikasi berterusan strategi alam sekitar bersepadu yang diaplikasikan kepada proses, produk dan perkhidmatan untuk meningkatkan efisien-eko dan mengurangkan risiko kepada manusia dan alam sekitar.

ENHCR – (Environmentally Hazardous Substances Notification and Registration) Objektif Pemberitahuan dan Pendaftaran Skim EHS Malaysia adalah untuk mengumpul maklumat daripada industri tentang bahan berbahaya yang ada di pasaran Malaysia dengan memperkenalkan keperluan pemberitahuan untuk bahan-bahan tersebut dihasilkan di dalam atau diimport ke Malaysia.

Sepanjang tahun 2020 sebanyak 197 punca telah dikemaskini ke dalam sistem e-KAS. Manakala e-CN pula sebanyak 197 premis telah didaftarkan sebagai pengguna sistem. Ini termasuk pengguna premis, bengkel dan sisa klinikal.

Kelengkapan ICT

Pada tahun 2020, Unit Teknologi Maklumat telah menerima pencetak sebanyak 6 unit masing-masing terdiri daripada 6 unit komputer peribadi untuk kegunaan pegawai dan kakitangan di JAS WPKL.

Secara keseluruhan, kesemua pegawai dan kakitangan di JASKL telah menerima kelengkapan tersebut bagi membolehkan mereka membuat tugas masing-masing.